Pada hari ketiga, responden mula menarah dan membentuk bahagian bawah gambus (antara perut dengan kepala) dan membentuk lekuk menggunakan kapak dan gergaji. Setelah keseluruhan gambus mulai terbentuk, peringkat berikutnya ialah dengan melicinkan permukaan. Tahap pertama melicin ialah menggunakan ketam kumpal iaitu ketam tangan yang mempunyai dua telinga di kedua-dua sisinya. Tahap melicin yang lebih halus ialah menggunakan kikir. Tugasan ini mengambil masa kira-kira tiga jam. Namun demikian, kerja berkenaan tidak dilakukan secara berterusan. Ada kalanya responden ke kedai, berehat sambil merokok dan menerima tetamu yang datang ke rumahnya.

Pada hari keempat, Encik Tajul mula memberikan perhatian kepada pembuatan ekor. Seperti yang disebutkan sebelum ini, antara ciri gambus Brunei ialah memiliki ekor. Sebahagian pembuat yang lain menyebutnya sebagai *ikong* atau *buntut* gambus. Bahagian ini dilicinkan menggunakan kikir. Dalam masa yang sama, bahagian kepala yang telah dibentuk, diperhaluskan lagi dengan pembuatan lubang parit. Bagi gambus seludang, lubang parit dibuat di bahagian bawah, namun terdapat juga pembuat yang lain seperti Encik Awang Besar membuat parit di bahagian atas. Gambus seludang yang dihasilkan kali ini menggunakan hiasan kura-kura. Setelah bentuk kasar kura-kura mulai kelihatan, proses melicin dengan menggunakan kertas pasir (no. 80) dilakukan. Selain kura-kura, bahagian ini selalunya dihiasi dengan bentuk burung. Pisau digunakan untuk memperincikan seni hiasan ini.

Proses yang penting dalam pembuatan gambus Brunei ialah menebuk lubang nyawa. Lubang nyawa ini penting untuk melahirkan bunyi yang diharapkan. Terdapat tiga elemen yang berkaitan dalam pembuatan lubang nyawa atau lubang nafas ini iaitu lubang nyawa utama, lubang nyawa kedua dan tali nyawa. Tanpa lubang nyawa ini, bunyi gambus akan lembab kerana bunyi tidak lepas dari bahagian dalaman perut gambus. Manakala tanpa tali nyawa, dengung gambus tidak akan terjadi. Dalam perkembangan mutakhir, banyak bahagian mulai dimodenkan tetapi lubang nyawa bagi Encik Tajul tetap diperlukan agar bunyi gambus menepati dengan apa yang diharapkan.

Lubang nyawa atau lubang nafas biasanya ditebuk di bahagian perut gambus. Lubang nafas utama ini berukuran kira-kira sebesar jari telunjuk atau wang syiling sepuluh sen. Ini biasanya ditebuk kira-kira tiga hingga lima sentimeter jaraknya daripada pangkal leher gambus.

Lubang nyawa kedua biasanya berada di bahagian perut gambus. Ini dibuat dengan tiga lubang berdekatan dan saiz lubang adalah lebih kecil. Di samping berfungsi untuk memantapkan bunyi *pantingan* gambus, ia juga dibuat sebagai sebahagian daripada seni hiasan muka gambus.

Tali nyawa adalah tali yang direntangkan secara melintang mengikut sisi panjang gambus di dalam bahagian perut gambus dan biasanya diperbuat daripada dawai halus. Pada zaman pemerintahan Inggeris, dawai halus itu diambil daripada lebihan dawai kabel pemasangan telefon. Justeru itu, ia juga dinamakan sebagai *talipon*. Buat masa ini, tali nyawa diperbuat daripada tali brek basikal, yang lebih kuat dan tahan regangan serta boleh memantulkan bunyi dengan baik. Dawai ini penting kerana ia boleh memberi "nyawa" atau menghidupkan alunan muzik yang dipermainkan. Getaran alatan inilah yang menyebabkan bunyi muzik beralun. Pada peringkat ini, tali nyawa belum dipasang lagi.

Kerja seterusnya ialah mengukur kedudukan antara perut dan dada gambus. Tujuan ukuran adalah untuk memasang penutup perut dengan kulit dan penutup dada dengan menggunakan sekeping kayu (*plywood*). Papan penutup dada dilakar dengan bentuk dada gambus dan kemudian dipotong dengan menggunakan gergaji. Kedudukan penutup dada ialah di antara kepala dan muka gambus.

Bahagian penutup perut yang juga dikenali sebagai muka atau *mua* gambus, adalah bahagian yang diperbuat daripada sekeping kulit atau belulang binatang. Ia ditampalkan melalui kaedah memaku pada perimeter badan sehingga ke pangkal leher. Bahagian pangkal leher biasanya ditutup dengan kepingan kayu yang diratakan. Kiri kanan gambus dikenali juga sebagai rusuk kiri dan rusuk kanan.

Muka gambus seludang biasanya diperbuat daripada kulit binatang yang diperolehi di sekitar perkampungan. Antara kulit binatang yang selalu dijadikan muka gambus ialah kulit biawak, kambing, lembu, kerbau atau ular.

Kulit yang terbaik ialah kulit biawak kerana sifat kulit tersebut yang sentiasa tegang. Para pemain gambus percaya gambus yang menggunakan kulit biawak boleh dimainkan waktu siang ataupun malam kerana sifat biawak yang boleh hidup di darat dan di air.

Sebelum papan penutup dilekatkan pada dada gambus, Encik Tajul mengikat dawai pada paku untuk dijadikan tali nyawa. Sehelai dawai halus direntangkan dengan cara memaku di bahagian dalam perut gambus dengan bahagian dalam dada. Dawai berkenaan mestilah halus dan tegang supaya bunyi yang keluar lebih berdegung dan untuk memanjangkan bunyinya. Setelah selesai memasang dawai, penutup dada ditampal dengan menggunakan gam.

Bagi proses berikutnya, Encik Tajul mengukur tempat alas tali atau kekuda pada bahagian kepala. Selepas mengukur, beliau membuat alas tali tersebut dan seterusnya proses menampal dilakukan. Encik Tajul melukis corak bunga pada dada gambus dengan menggunakan pen.

Proses pembuatan berikutnya ialah menanda bahagian yang akan ditebuk untuk dipasang tali, iaitu pada ekor dan telinga gambus. Setelah penghalusan permukaan dilaksanakan, bahagian permukaan disapu *varnish* yang dikeringkan selama lebih kurang satu hari atau mengikut keadaan cuaca. Pada hari berikutnya Encik Tajul tidak membenarkan penyelidik datang ke bengkel beliau kerana tiada apa-apa yang perlu dirakamkan kecuali menunggu *varnish* kering. Encik Tajul juga memaklumkan beliau akan ke majlis perkahwinan jirannya di kampung yang lain.

Pada hari keenam, Encik Tajul menyediakan bahan untuk membuat muka gambus. Beliau memberi penerangan mengenai proses penyediaan kulit. Kulit yang digunakan ialah kulit lembu. Kulit direndam semalaman dalam air paip supaya kulit menjadi bersih, putih dan tidak berbau. Ia juga bertujuan supaya kulit lembut dan boleh meratakan belulang. Ukuran yang diperlukan ialah:

- i. Lebar muka gambus : 6 inci
- ii. Panjang penutup perut : 12 ½ inci
- iii. Panjang kulit : 12 inci
- iv. Lebar kulit : 7 inci

Proses memasang kulit pada perut gambus dilakukan dengan kulit yang masih basah. Kulit dipasang dan ditegangkan dengan menggunakan paku. Paku dipasang buat sementara untuk memudahkan kerja memasang pelilit. Pelilit yang berupa pita merah dilekatkan setelah kulit tegang dan dipaku dengan menggunakan paku tekan. Setelah selesai, paku sementara yang digunakan untuk menegang kulit dibuka semula.

Pada bahagian dada gambus, empat lubang nafas ditebuk pada dada penebuk besi. Ukurannya lebih kecil daripada lubang nyawa yang berada di bawah perut gambus. Proses menebuk bahagian tepi kepala dengan bohor (*bore*) dengan mata saiz empat ohm dilakukan satu persatu sebanyak enam lubang kanan dan kiri hingga tembus. Pembuatan telinga (*peg*) dimulai dengan menggunakan kayu seraya sebanyak enam batang. Kayu ditarah dengan kapak dan diraut dengan pisau. Telinga ini diperhaluskan dengan cara menggosok menggunakan kertas pasir (no. 80).

Selepas membuat telinga, Encik Tajul membuat kekuda dengan menggunakan kayu matang pawas. Kayu ditarah dengan kapak menjadi bentuk W atau M, kemudian ditarah sedikit di bahagian atas secara lurus untuk meletak tali dan dilicinkan dengan kertas pasir.

Lubang ditebuk pada batang telinga untuk memasukkan tali dengan menggunakan penebuk yang diperbuat daripada jejari basikal sehingga tembus. Untuk menentukan lubang tali di dalam parit, pahat dan penukul digunakan untuk memastikan ia sama lurus.

Memasang Tali Gambus

Tali yang digunakan ialah tali tangsi (*fishing line*) yang hanya berukuran 60 paun. Tali diukur mengikut panjang gambus iaitu dari ekor hingga ke kepala sebelum dipotong. Tali yang dipotong dibahagi dua dengan melipat dua. Bahagian tali yang dilipat dan tidak dipotong dimasukkan ke dalam lubang di bahagian ekor, diikat/disimpul pada paku (penahan tali) bagi mengelakkan tali terpusing semula. Selepas itu, tali tadi dimasukkan ke dalam lubang di bahagian atas berhampiran kekuda. Kekuda dihiris sedikit untuk meletakkan tali yang kemudiannya dimasukkan pula ke dalam lubang pada batang telinga yang paling atas berhampiran dengan kepala. Tali tersebut disimpul/dipusing supaya melilit pada batang telinga/penyiput. Tali dipasang satu persatu sebanyak enam helai.

Proses ini dilakukan sehingga kesemua tali lengkap dipasang. Setelah tali habis dipasang, kekuda diletakkan di bawah tali. Jarak kekuda daripada bawah badan ialah tiga inci.

Pemetik /Pemanting


Pemanting bererti orang yang memetik gambus atau alat untuk memetik gambus berkenaan. Encik Tajul membuat pemanting gambus daripada tanduk kerbau.

Penalaan (*Tuning*)

Untuk menghasilkan bunyi yang baik, kulit perlu betul-betul kering kerana jika kulit basah bunyinya tidak baik atau langsung tidak ada bunyi. Oleh itu, kulit akan dibiarkan kering sekurang-kurangnya sehari. Kajian ini tidak dapat memberikan apa-apa piawai tertentu dalam mengukur kebaikan atau keelokan bunyi sesebuah gambus. Tiada alat tertentu yang digunakan untuk memastikan bunyi gambus sesuai dengan lagu yang dimainkan. Kemahiran pemain dan pembuat amat diperlukan dalam menjustifikasikan bunyi yang sesuai. Responden menjelaskan tali tangsi yang sesuai dan paling baik digunakan adalah yang berukuran 60 paunkerana bila kita menggunakan tali yang kecil/halus, bunyinya lebih halus. Jika menggunakan tali yang kasar bunyinya juga akan kasar. Menurut Encik Tajul, menggunakan pemanting daripada tanduk kerbau akan menghasilkan bunyi yang lebih baik.

Telinga gambus diwarnakan dengan dakwat cina berwarna hitam yang dicelup dengan pen basah.

Proses menghasilkan sebuah gambus seludang secara tradisi selesai dalam masa lapan hari.



Penutup

Gambus adalah alat musik tradisional yang masih mendapat tempat di Malaysia. Proses pembuatannya amat teliti dan memerlukan kepakaran terlatih. Sehubungan itu, pendokumentasian proses pembuatan ini penting untuk memastikan kemahiran ini tidak hilang.

Rujukan

Ahmad Hakimi Khairuddin. (2008). *Gambus Melayu dalam Persembahan Hamdolok dan Zapin di Batu Pahat, Johor*. Kertaskerja dibentangkan dalam Bicara Gambus 2008, Jabatan Muzium Malaysia, Kuala Lumpur.

Ahmad Hakimi Khairuddin, et al. (2008). *The Gambus in Sabah Brunei Community: Documenting Changes in Manufacturing Technology*. Kertaskerja dibentangkan dalam Borneo Research Council, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu.

Zonis, E. (1973). *Classical Persian music: An introduction*. Cambridge, Mass.: Harvard University Press.

Kamaruddin Zakaria, et al. (2008). *Penyelidikan Gambus Masyarakat Brunei Sabah*. Kertaskerja dibentangkan dalam Bicara Gambus 2008, Jabatan Muzium Malaysia, Kuala Lumpur.

Oud. Wikipedia, the Free Encyclopedia. (2007). Diperolehi pada September 17, 2007, dari <http://en.wikipedia.org/wiki/Oud>].



Laporan Kajian Kepuasan Pengguna Perpustakaan Universiti Malaya 2008

Koh Ai Peng & Nor Hazidah Awang
Perpustakaan Universiti Malaya
kohai@um.edu.my, hazidah@um.edu.my

Abstract

The Library User Survey 2008 was carried out from 16 October to 15 November 2008. A questionnaire was designed and distributed to users online via UM e-survey and manually within the library. Users were asked to evaluate the collection, facilities/services and staff of the library. More than 1400 questionnaires were collected and analysed using SPSS version 17.00.

Abstrak

Kajian Pengguna Perpustakaan 2008 telah dijalankan sepanjang 16 Oktober hingga 15 November 2008. Borang soal selidik telah dirangka dan diedarkan kepada pengguna menerusi *UM e-survey* iaitu kaedah penyebaran soal selidik dalam talian, dan pengedaran menggunakan borang bercetak yang ditempatkan di perpustakaan. Pengguna diminta untuk menilai koleksi, kemudahan/perkhidmatan dan staf perpustakaan. Lebih daripada 1400 maklum balas diterima dan data dianalisa dengan menggunakan perisian SPSS versi 17.00.

Pengenalan

Perpustakaan merupakan pusat tanggungjawab yang menawarkan perkhidmatan untuk menyokong pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan Universiti Malaya. Perpustakaan sentiasa memandang serius dan menghargai input serta maklum balas pengguna dalam usaha untuk menambahbaik perkhidmatan perpustakaan secara keseluruhan. Sejalan dengan itu, Perpustakaan Universiti Malaya (PUM) sekali lagi menjalankan Kajian Kepuasan Pengguna untuk mendapat maklum balas mengenai penambahbaikan rentetan daripada hasil kajian yang telah dijalankan pada 2006.

Objektif Kajian

Kajian Kepuasan Pengguna 2008 ini dibentuk untuk memperolehi maklum balas pengguna terhadap koleksi, kemudahan & perkhidmatan serta staf perpustakaan. Data yang dikumpul dianalisa dan dikategorikan mengikut perpustakaan dan kategori pengguna.

Kaedah Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kuantitatif secara tinjauan (*survey*). Kaedah pengumpulan data yang digunakan adalah dengan mengedarkan borang soal selidik secara dalam talian dan bercetak. Kaedah ini sesuai digunakan bagi memperolehi maklumat yang diperlukan secara objektif tentang kepuasan pengguna terhadap sumber, kemudahan dan perkhidmatan serta staf perpustakaan. Soal selidik dalam talian dihantar melalui emel kepada staf akademik, staf profesional serta pelajar Universiti Malaya. Soal selidik bercetak pula diedarkan ke semua perpustakaan yang terdapat dalam rangkaian perpustakaan menerusi kaunter perkhidmatan atau edaran dengan bantuan pembantu perpustakaan. Tempoh edaran adalah selama sebulan, iaitu bermula 16 Oktober 2008 hingga 15 November 2008.

Pengumpulan Data

Data yang telah dikumpul kemudian diinput ke dalam perisian analisa statistik, iaitu SPSS versi 17.00 untuk dianalisa menggunakan statistik diskriptif. Penghuraian satu pembolehubah melibatkan peratus, kekerapan dan purata untuk membandingkan prestasi mengikut perpustakaan dan kategori pengguna yang berbeza.

Responden diminta menjawab soal selidik yang terdiri daripada enam komponen, iaitu:

- a. Maklumat umum
- b. Penilaian sumber atau Koleksi perpustakaan (12 soalan)
- c. Penilaian kemudahan dan perkhidmatan perpustakaan (10 soalan)
- d. Penilaian staf (3 soalan)
- e. Penilaian secara keseluruhan ke atas tiga komponen di atas (3 soalan)
- f. Komen / Cadangan

Untuk komponen b hingga e, responden diminta untuk menggreddkan soalan yang ditanya berdasarkan skala berikut:

Skala	Keterangan
0	Tidak berkenaan
1	Amat tidak memuaskan
2	Tidak memuaskan
3	Sederhana
4	Memuaskan
5	Amat memuaskan

Purata (*mean*) responden mengikut perpustakaan dan kategori pengguna dianalisa untuk mendapat maklumat dan gambaran dalam usaha penambahbaikan perpustakaan pada masa akan datang.

I. Penilaian Mengikut Perpustakaan

Rangkaian PUM terdiri daripada Perpustakaan Utama, tiga perpustakaan cawangan dan 13 perpustakaan khusus seperti berikut:

- i. Perpustakaan Utama (1)
- ii. Perpustakaan cawangan (3)
 - Perpustakaan Perubatan
 - Perpustakaan Undang-Undang
 - Perpustakaan Peringatan Za'ba
- iii. Perpustakaan khusus (13)

- Perpustakaan Alam Bina
- Perpustakaan Asasi Sains
- Perpustakaan Bahasa & Linguistik
- Perpustakaan Ekonomi & Pentadbiran, Perniagaan & Perakaunan
- Perpustakaan Kampus Kota
- Perpustakaan Kejuruteraan
- Perpustakaan Pendidikan
- Perpustakaan Pengajian Asia Timur
- Perpustakaan Pengajian India
- Perpustakaan Pengajian Islam
- Perpustakaan Pengajian Melayu
- Perpustakaan Pengajian Siswazah
- Perpustakaan Pergigian

Responden diminta untuk memilih perpustakaan yang akan dinilai sebelum meneruskan soal selidik. Berdasarkan pemilihan ini, penilaian terhadap perpustakaan tersebut dapat dijalankan bagi membolehkan langkah pembetulan dan penambahbaikan dirancang.

II. Penilaian mengikut Kategori Pengguna

Pandangan pengguna daripada pelbagai kategori pasti berbeza dan perlu dikenalpasti. Untuk tujuan ini, pengguna dikategorikan kepada tujuh kumpulan seperti berikut:

- i. Mahasiswa
- ii. Pascasiswazah
- iii. Staf akademik
- iv. Staf penyelidikan
- v. Staf profesional
- vi. Pelawat – Bukan warga UM
- vii. Lain-lain


Analisa Kajian

Data yang dianalisa dipecahkan kepada tiga bahagian utama, iaitu:

- i. Maklumat umum kajian
- ii. Penilaian koleksi, perkhidmatan dan kemudahan serta staf secara keseluruhan mengikut perpustakaan dan kategori pengguna
- iii. Kesimpulan dan cadangan

A. Maklumat Umum

Responden mengikut Kategori PUM berjaya mengumpul sebanyak 1460 maklumbalas sepanjang tempoh kajian dijalankan (Carta 1a). Daripada jumlah itu, responden yang tertinggi adalah mahasiswa seramai 1006 (68.9%), diikuti dengan pascasiswazah seramai 297 (20.3%), staf akademik seramai 65 (4.5%), staf profesional 27 (1.8%) dan staf penyelidikan seramai tujuh (0.5%). Responden juga merangkumi 13 pelawat (0.9%) dan lain-lain kategori 44 (3.0%). Walau bagaimanapun, hanya seorang responden (0.1%) tidak memberikan maklumat mengenai kategori pengguna.



Carta 1a: Responden mengikut kategori pengguna

III. Taburan Responden mengikut Pusat Tanggungjawab (PTj)

Kebanyakan responden adalah dari Fakulti Sains, iaitu seramai 265 (18.2%). Responden dari Fakulti Perubatan merupakan yang kedua tertinggi, iaitu seramai 215 (14.7%). Selebihnya, adalah responden dari lain-lain fakulti, akademi, institusi, pusat atau bahagian. (Jadual 1a)

IV. Responden mengikut Kekerapan Mengguna Perpustakaan

Hampir separuh daripada responden, iaitu seramai 628 (43.0%) menggunakan perpustakaan beberapa kali seminggu. Peratus kekerapan responden mengunjungi perpustakaan setiap hari atau seminggu sekali tidak menunjukkan perbezaan yang ketara dengan masing-masing sebanyak 14.2% dan 13.6%. Seramai 176 (12.1%) responden jarang sekali mengunjungi

Jadual 1a: Taburan Responden Mengikut Fakulti / PTj

Fakulti / PTj	Bilangan responden	%
Sains	265	18.2
Perubatan	215	14.7
Kejuruteraan	142	9.7
Sastera & Sains Sosial	129	8.8
Akademi Pengajian Islam	104	7.1
Perniagaan & Perakaunan	81	5.5
Sains Komputer & Teknologi Maklumat	63	4.3
Ekonomi & Pentadbiran	58	4.0
Akademi Pengajian Melayu	56	3.8
Pendidikan	50	3.4
Bahasa & Linguistik	51	3.5
Pergigian	42	2.9
Alam Bina	41	2.8
Undang-undang	29	2.0
Perpustakaan	12	.8
Pusat Kebudayaan	9	.6
Pusat Asasi	8	.5
Pusat Sukan	6	.4
Institut Pengajian Siswazah	4	.3
Bahagian Sumber Manusia	4	.3
Pusat Teknologi Maklumat	4	.3
INPUMA	3	.2
IPPP	2	.1
Institut Pengajian Cina	1	.1
HEP & ALUMNI	1	.1
Lain-lain	48	3.3
Total	1428	97.8
Missing (99)	32	2.2
Jumlah Keseluruhan	1460	100.00

perpustakaan. Sebanyak 8.5% mengunjungi perpustakaan dua minggu sekali, manakala 7.9% sebulan sekali. Daripada jumlah itu, hanya seorang (0.1%) responden tidak pernah berbuat demikian dan sembilan orang (0.6%) tidak mengisi kekerapan mereka menggunakan perpustakaan.

V. Responden mengikut Perpustakaan yang Dinilai

Majoriti responden memilih untuk menilai Perpustakaan Utama iaitu seramai 870 (59.6%), diikuti dengan Perpustakaan Perubatan seramai 253 (17.3%) orang. Perpustakaan Kejuruteraan pula dinilai oleh 68 (4.7%) responden. Manakala, seramai 62 (4.2%) responden memilih untuk menilai Perpustakaan Peringatan Za'ba. Kurang dari 4% responden memilih untuk menilai lain-lain perpustakaan.

B. Penilaian Sumber

Sumber atau koleksi perpustakaan mendapat penilaian 'sederhana' dengan nilai purata 3.00 dan ke atas secara keseluruhan (Jadual 1b). Walau bagaimanapun, sekiranya dianalisa dengan lebih terperinci mengikut kategori perpustakaan dan pengguna, terdapat juga beberapa penilaian yang kurang memuaskan.

Jadual 1b: Responden mengikut sumber yang dinilai

Sumber perpustakaan	Bilangan responden	Purata (Mean)
Buku (koleksi teks & am)	1412	3.49
Tesis & Disertasi	1245	3.49
Bahan rujukan	1389	3.48
Koleksi teras akademik	1250	3.42
Jurnal Elektronik (Jurnal E)	1259	3.39
Koleksi Malaysiana (M'siana)	1111	3.35
Jurnal Bercetak	1294	3.32
Bahan bacaan bebas (fiksyen, dll)	1243	3.27
Buku Elektronik (Buku E)	1196	3.19
Bahan multimedia (pandang dengar AV)	1000	3.16
Koleksi kertas peperiksaan	1180	3.15
Koleksi mikrofon	955	3.14

I. Mengikut Perpustakaan

Hasil kajian menunjukkan secara keseluruhannya responden memberi maklum balas positif terhadap sumber dan koleksi perpustakaan dengan purata keseluruhan melebihi 3.00 iaitu 'sederhana' dan ke atas kecuali Perpustakaan Asasi Sains dan Perpustakaan Kampus Kota yang mendapat maklum balas 'tidak memuaskan' bagi kebanyakan koleksinya.

II. Mengikut Kategori Pengguna

Keputusan secara keseluruhan adalah 3.00 ke atas, iaitu 'sederhana' ke atas. Walau bagaimanapun, sekiranya dinilai berdasarkan kategori pengguna, didapati staf akademik memberi penilaian rendah, kurang daripada 'sederhana' dalam kebanyakan sumber yang disediakan oleh perpustakaan. Staf akademik jelas kurang berpuas hati dengan koleksi perpustakaan secara keseluruhan.

Selain daripada itu, bahan multimedia (pandang dengar), mikrofon dan kertas peperiksaan pula merupakan sumber yang sering mendapat penilaian kurang daripada 3.00 iaitu 'sederhana'. Pihak perpustakaan perlu mengkaji factor yang menyebabkan penilaian yang sebegini daripada pelbagai kategori pengguna. Walau bagaimanapun, mahasiswa, yang merupakan golongan responden terbesar (lebih daripada 800 orang) menilai semua sumber perpustakaan yang disediakan sebagai lebih baik daripada sederhana iaitu 3.20 ke atas.

C. Penilaian Kemudahan dan Perkhidmatan

Data yang diperolehi menunjukkan secara keseluruhannya responden memberi maklum balas positif terhadap kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan di perpustakaan. Penilaian pengguna secara keseluruhan adalah 'sederhana' dengan melebihi 3.20 melainkan "akses Internet tanpa wayar" (WiFi) dengan purata 3.08 dan "kemudahan komputer" mendapat purata 2.98. Kedua-dua kemudahan yang memperolehi penilaian rendah adalah berkaitan dengan perkhidmatan teknologi maklumat. Pendeta WebPAC dan laman sesawang Perpustakaan adalah antara yang mendapat penilaian yang baik, iaitu 3.60 dan 3.58 diikuti dengan tempat duduk, 3.57. (Jadual 2a)

Jadual 2a: Responden mengikut kemudahan dan perkhidmatan yang dinilai

Kriteria	Bilangan responden	Purata (Mean)
Katalog Perpustakaan (Pendeta WebPAC)	1398	3.60
Laman web Perpustakaan menyediakan maklumat yang jelas dan berguna	1380	3.58
Tempat duduk	1422	3.57
Tanda arah	1389	3.55
Tahap kebisingan	1422	3.46
Buku & jurnal disusun semula di rak dengan cepat	1403	3.36
Tandas	1379	3.33
Fotokopi	1412	3.28
WiFi	1334	3.08
Komputer	1420	2.98

I. Mengikut Perpustakaan

Penilaian mengikut perpustakaan menunjukkan enam perpustakaan mendapat semua kategori kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan melebihi 'sederhana' (purata 3.00 ke atas) dan sebahagian daripada penilaian adalah sangat menggalakkan dengan keputusan lebih baik daripada 'memuaskan' (purata 4.00 ke atas). Perpustakaan-perpustakaan ini termasuk Perpustakaan Utama dan lima perpustakaan khusus iaitu Perpustakaan Alam Bina, Perpustakaan Pengajian Asia Timur, Perpustakaan Pengajian India, Perpustakaan Pengajian Siswazah dan Perpustakaan Pergigian.

Walau bagaimanapun, Perpustakaan Asasi Sains serta Perpustakaan Kampus Kota dan Perpustakaan Undang-undang telah mendapat maklum balas secara keseluruhan 'kurang memuaskan'. Antara sepuluh perkhidmatan yang disediakan, keputusan adalah seperti berikut:

- Perpustakaan Asasi Sains – sembilan kemudahan mendapat keputusan rendah daripada sederhana
- Perpustakaan Kampus Kota – tujuh kemudahan mendapat keputusan rendah daripada sederhana
- Perpustakaan Undang-undang - lima kemudahan mendapat keputusan rendah daripada sederhana

Kemudahan yang mendapat maklum balas rata-rata kurang daripada 'sederhana' (3.00 ke bawah) untuk kebanyakan perpustakaan adalah 'WiFi' (10 perpustakaan), "komputer" (6 perpustakaan) dan "salinan foto" (5 perpustakaan).

Sekali lagi, "kemudahan komputer dan akses internet tanpa wayar" (WiFi) adalah kemudahan yang mendapat nilai purata kurang daripada 3.00 untuk kebanyakan kategori pengguna. Manakala, "bahan disusun semula di rak dengan cepat" dinilai sebagai 'tidak memuaskan' untuk kategori staf akademik dan staf penyelidikan dengan masing-masing mempunyai nilai purata 2.89 dan 2.71.

D. Penilaian Staf

Lebih daripada 1400 orang telah memberi maklumbalas untuk aspek penilaian staf perpustakaan. Tiga kriteria telah diutarakan untuk penilaian pengguna (Jadual 3a) dan rumusan adalah seperti berikut:

Jadual 3a: Penilaian Staf Secara Keseluruhan

Kriteria	Bilangan responden	Purata (Mean)
Perkhidmatan yang cekap dan cepat	1446	3.70
Tahap pengetahuan dan kompetensi staf	1433	3.72
Staf bersikap mesra pelanggan	1448	3.64

I. Mengikut Perpustakaan

Kajian mendapati terdapat lima perpustakaan yang mendapat penilaian staf sebagai 'memuaskan' dan ke atas (purata lebih tinggi daripada 4.00) untuk kesemua kriteria. Kelima-lima perpustakaan tersebut merupakan perpustakaan khusus iaitu: Perpustakaan Alam Bina, Perpustakaan Asia Timur, Perpustakaan Pengajian India, Perpustakaan Pengajian Islam, Perpustakaan Pengajian Siswazah dan Perpustakaan. Perpustakaan Asasi Sains dan Perpustakaan Kampus Kota pula dinilai sebagai 'tidak memuaskan' dengan nilai purata keseluruhan kurang daripada 3.00.

II. Mengikut Kategori Pengguna

Secara keseluruhan, penilaian staf mengikut kategori adalah 'sederhana' ke atas dengan purata hampir mencapai 4.00, iaitu menjurus kepada 'memuaskan'. Dari segi perkhidmatan yang cekap dan tepat, staf profesional memberikan penilaian yang paling tinggi, dengan nilai purata 3.93. Kategori pengguna yang memberi penilaian paling rendah adalah staf penyelidikan, di antara 3.14 hingga 3.43.

E. Penilaian secara Keseluruhan

Hasil kajian menunjukkan pada keseluruhannya penilaian untuk sumber, kemudahan dan perkhidmatan serta staf perpustakaan adalah 'sederhana' ke atas dengan nilai purata 3.00 ke atas.

I. Mengikut Perpustakaan

Perpustakaan Pengajian India merupakan satu-satunya perpustakaan yang memperoleh nilai purata lebih daripada 4.00 secara keseluruhan iaitu 'memuaskan' untuk kesemua aspek yang dikaji. Perpustakaan Pengajian Islam pula memperoleh 'memuaskan' untuk "kemudahan/perkhidmatan" dan "staf". Kebanyakan Perpustakaan yang lain mendapat 'sederhana' ke atas melainkan Perpustakaan Asasi Sains dan Perpustakaan Pendidikan serta Perpustakaan Kampus Kota. Perpustakaan Asasi Sains dan Perpustakaan Pendidikan mendapat 'tidak memuaskan' untuk kesemua aspek dan Perpustakaan Kampus Kota pula memperoleh 'tidak memuaskan' untuk "koleksi" dan "kemudahan/perkhidmatan".

II. Mengikut Kategori Pengguna

Kajian mengikut kategori pengguna pula menunjukkan semua kategori pengguna telah memberikan penilaian 'sederhana' dan ke atas (nilai purata melebihi 3.00) secara keseluruhan. Ini menunjukkan walaupun bagi sumber serta kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan, pengguna memberi penilaian 'kurang memuaskan', tetapi secara keseluruhan mereka agak berpuas hati dengan prestasi perpustakaan.

Kesimpulan

Kajian menunjukkan penilaian secara keseluruhan ke atas sumber, kemudahan dan perkhidmatan serta staf perpustakaan adalah 'sederhana' dan ke atas. Walau bagaimanapun, ketidakpuasan pengguna juga dikesan dalam beberapa perpustakaan dan aspek yang dikaji.

Empat orang responden telah memilih untuk menilai Perpustakaan Asasi Sains dan tiga orang responden pula menilai Perpustakaan Kampus Kota. Kedua-dua perpustakaan Kampus Kota dan Asasi Sains mendapat penilaian yang agak rendah dalam pelbagai aspek yang dikaji. Bilangan responden yang kecil mungkin tidak menggambarkan keadaan menyeluruh. Walau bagaimanapun, pihak yang terlibat perlu memandangkan serius maklum balas tersebut.

Analisa mengikut sumber menunjukkan bahan mikrofon, pandang dengar dan kertas peperiksaan mendapat penilaian yang rendah berbanding dengan sumber lain. PUM mempunyai koleksi yang baik bagi bahan mikrofon dan pandang dengar. Namun, ketidakpekaan pengguna tentang kewujudan koleksi ini mungkin merupakan faktor utama mereka memberi penilaian yang agak rendah. Kegiatan promosi bahan berkenaan perlu dirancang untuk meningkatkan kesedaran dan menggalakkan penggunaan koleksi. Kesempurnaan koleksi kertas peperiksaan pula tertakluk kepada penyerahan kertas peperiksaan dari pihak bertanggungjawab. Namun, perpustakaan sedang berusaha untuk mendigitasikan koleksi tersebut bagi memudahkan capaian.

Analisa mengikut kategori pengguna pula menunjukkan staf akademik merupakan golongan pengguna yang kurang berpuas hati terhadap sumber dan kemudahan yang disediakan diikuti dengan staf penyelidikan. Pihak perpustakaan perlu memberi perhatian kepada beberapa kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan termasuk WiFi, komputer dan salinan foto.

Memandangkan kemudahan WiFi tertakluk di bawah bidang kuasa Pusat Teknologi Maklumat (PTM), mulai awal tahun 2009 pihak PTM telah menambah 800 titik akses di seluruh kampus. Tindakan PTM ini sudah tentu akan menambahbaik perkhidmatan akses tanpa wayar kepada para pelajar dan pengguna perpustakaan.

Pihak perpustakaan berterima kasih atas semua maklum balas yang diberikan. Ianya akan dikaji dengan lebih mendalam untuk merangka perancangan yang lebih sempurna demi menambahbaik perkhidmatan perpustakaan.

**Seminar Pencinta Buku Malaysia Ketiga: “Pesona Perpustakaan”
The 3rd “Pencinta Buku Malaysia” Seminar: “Pesona Perpustakaan”**

**Perpustakaan Raja Tun Uda
Shah Alam, Selangor
12 Ogos 2009**

Datin Adlina Norliz Razali & Haslina Husain
Perpustakaan Universiti Malaya
adlina@um.edu.my, hhaslina@um.edu.my

Seminar Pencinta Buku Malaysia Ketiga: “Pesona Perpustakaan” dianjurkan oleh Komuniti Buku Online dan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor. Ia menghimpunkan cendekiawan dan orang perseorangan yang cintakan buku. Buku dianggap sumber rujukan terpenting dalam mewujudkan ketamadunan yang jitu dan utuh. Masyarakat membaca adalah masyarakat yang berilmu.

Tajuk yang dibentangkan dalam seminar ini adalah seperti berikut:

1. Menilai semula sistem pembekalan dan lalu lintas buku di perpustakaan: Perspektif penerbit dan pengedar - Haji Hasan Hamzah (Presiden Kontraktor Buku Malaysia) & Sayed Munawar Jamalullail (Leader Dimension Sdn. Bhd)
2. Pesona Perpustakaan: Antara cabaran memberi perkhidmatan dan berfikir di luar kotak - Pn. Mastura Hj. Muhammad (Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor), En. Shaharom TM Sulaiman (Ketua Satu Bukuonline) & En. Zubli Zainordin (Pengasas Sains dan Seni Jaya Diri Total)
3. Ke arah memperkukuh jaringan perpustakaan dan masyarakat: Perspektif penulis dan ahli politik - En. Ann Wan Seng (Penulis Bebas dan Aktivistik Sosial) & YBhg Dato’ Aziz Abd Rahman (Timbalan Presiden MUBARAK)
4. Pengalaman estetika menjelajahi perpustakaan: Perspektif pengguna dan pembaca - Dato’ Jaafar Rahim (Perunding Pemikiran Kreatif), Dr. Abu Hassan Hasbullah (Pengasas Zentrum Future Studies) & Tuah Sujana (Penulis Remaja)

Kesimpulannya, seminar ini mengangkat martabat Perpustakaan sebagai sebuah gedung ilmu dan menjadi sumber kecintaan bagi yang minat membaca. Dengan ilmu seseorang itu dapat menilai baik buruknya sesuatu perkara dan seterusnya dapat memperbaiki diri supaya menjadi lebih baik lagi di masa hadapan. Ilmu yang ditimba perlu digunakan sebaik mungkin supaya dapat meningkatkan lagi daya saing dan jati diri seperti mutiara kata, “Ilmu itu pelita hidup.”



Puan Mastura Hj. Muhammad menyentuh tentang kepentingan penjenamaan semula Perpustakaan

**International Conference on Libraries 2009:
Transforming Towards a Sustainable Tomorrow
Bayview Beach Resort, Penang
15th -16th June 2009**

Noorsuzila Mohamad & Hanani Fauzi
University of Malaya Library
noorsuzila@um.edu.my, hanani@um.edu.my

The conference was jointly organised by the University of Science Malaysia Library and *Pustaka Sumber Ilmu* in conjunction with the anniversary's 40th celebration of USM. It was held on the 15th -16th June 2009 at Bayview Beach Resort, Penang. The theme of the conference was "International Conference on Libraries 2009 : Transforming Towards a Sustainable Tomorrow".

The main objective of this conference is to provide a platform for knowledge and information professionals from a variety of disciplines to share their ideas, views, experiences and research findings. This conference was a good platform to provide and expose professionals to the mechanisms and strategies in transforming and sustaining the rapidly changing environment.

The conference was divided into five sessions:

- i) Supporting education and research;
- ii) Rethinking services;
- iii) Advocating preservation and conservation;
- iv) Library space, planning and building;
- v) Empowering information professionals, with three papers in each session.

There were 14 papers presented by library and information professionals from Malaysia and overseas. Among the papers that were presented are:

1. The effects of Zarqa Private University's library orientation program: a comparative study on the achievement of objectives and trends among users - Associate Professor Dr Fadel Jamil Klaib
2. Inter-Institutional Collaboration towards Sustainable and Relevant Academic Libraries - Rina Hemedez Diaron
3. Immaturity of Readership of the rural student in Sri Lanka and the obstacles the face in accessing the global knowledge - M.C. Rasmin
4. Digital resources in Malaysian cultural institutions - Dr Zuraidah Abd Manaf, Aliza Ismail and Putri Saniah Megat Abdul Rahman
5. Library space: planning and building - John Miler
6. Practicing evidence base in Malaysian libraries: a CSI challenges? - Noraida Hasan, Wan Emilin Wan Mat Ali and Engku Razifah Engku Chik



Among the participants

**Bengkel Skim Pengkelasan *National Library Of Medicine (NLM)*,
Medical Subject Headings (MeSH) dan Aplikasi MARC 21
*National Library of Medicine (NLM), Medical Subject Headings (MeSH) and Application of MARC21
Classification Scheme Workshop*
Universiti Darul Iman
12 - 14 Mei 2009**

Haniza Adnan
Perpustakaan Universiti Malaya
ahaniza@um.edu.my

Pengkelasan bahan-bahan perpustakaan dalam bidang perubatan dan kesihatan adalah sumber maklumat yang khusus dan penting bagi penyediaan perkhidmatan maklumat yang baik dan berkesan. Untuk susunan dan pengaksesan yang mudah dan berkesan, bahan-bahan ini perlu dikelaskan mengikut skim pengkelasan yang piawai iaitu *National Library of Medicine (NLM)*.

Justeru, Jawatankuasa Tetap Perpustakaan Perubatan (MLG), Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM) dengan kerjasama Perpustakaan Universiti Darul Iman Malaysia (UDM) telah menganjurkan Bengkel Skim Pengkelasan *National Library of Medicine (NLM)*, *Medical Subject Headings (MeSH)* dan Aplikasi MARC 21. Bengkel selama tiga hari yang bermula dari 12 hingga 14 Mei 2009 telah diadakan di Kampus Kota, Universiti Darul Iman Malaysia, Terengganu Darul Iman.

Bengkel ini telah dihadiri oleh 27 peserta yang terlibat secara khusus dalam pengkelasan dan pengkatalogan bahan perpustakaan bagi bidang perubatan (Kelas Q dan W).

Fasilitator yang bertanggungjawab dalam mengendalikan bengkel tersebut adalah Cik Salmah Salleh, perunding pengurusan perpustakaan dan maklumat dari Wisdom Synergy Enterprise.

Bengkel ini diadakan untuk :

- a) Mempertingkatkan kefahaman dan kemahiran mengkelas bahan-bahan maklumat menggunakan *National Library of Medicine Classification (NLM)*
- b) Mempertingkatkan kefahaman dan kemahiran menentukan tajuk-tajuk perkara menggunakan *Medical Subject Headings (MeSH)*
- c) Mempertingkatkan kefahaman dan kemahiran menggunakan format MARC 21 untuk pengkatalogan bahan-bahan maklumat
- d) Mendapat pendedahan dan kemahiran mengkatalog dan mengkelas bahan-bahan maklumat menggunakan format MARC 21



New Delhi Book Fair 2010
Pragati Maidan, New Delhi, India
30th January – 7th February 2010

Janaki Sinnasamy
University of Malaya Library
janaki@um.edu.my



New Delhi World Book Fair 2010, the 19th Book Fair was held at Pragati Maidan, New Delhi India from 30th January to 7th February 2010. The theme of the Fair is “Reading for Common Wealth”. Books on Sports was the highlight of the Fair as India (New Delhi) will be hosting the Commonwealth Games in October 2010. The visitors at the World Book Fair 2010 exhibition comprise of booksellers, book retailers, librarians, wholesalers, literary agents and book buyers. The ex president of India, Dr Abdul Kalam, too visited the site of the Book Fair.

The New Delhi Book Fair is the biggest book fair in the Afro-Asian Region. Nearly 1,000,000 new titles are published every year, out of which 1/3 are in the English language and the rest in 37 Indian languages. It is an annual exhibition organized by the India Trade Promotion Organization (ITPO). There were 13 halls at the Fair. Hall 6 was for the Science & Technology. Hall 7 was for the Social Sciences & Humanities. The publications on subjects such as traditional culture, music, novels by local authors, history, medicine, dentistry and engineering were immense and impressive.

The trip to this Book Fair was organized by the Library Association of Malaysia. A total of 9 persons participated in the tour which consisted of librarians, book suppliers, researchers and lecturers. The group left KLIA via MH191 at 1830 on 31st January 2010 and reached New Delhi at 2145. The temperature there was 20 °C. The drive to Agra to visit the world famous TAJ MAHAL the following morning took about 5 hours. The drive back to New Delhi was the next morning followed by Delhi city tour and then dinner. The following 3 days were spent visiting the Book Fair and selecting books. Besides visiting the Book Fair, the group also got to know each other better both on a personal and organizational level. It was also an opportunity to meet up with publishers and agents from the Indian subcontinent. Overall it was a worthwhile trip.

The return flight home was on 5th February 2010 at 2310.



KEKAL ABADI

GUIDELINES FOR CONTRIBUTORS

Kekal Abadi invites contributions from librarians, information scientists, information managers, educators, administrators, publishers and other interested persons from all over the world.

Types of Contributions

The journal publishes original articles on all aspects of library and information science. In addition, Book Reviews, New Products and Services, Conference Reports, Awards and News are also welcome.

Format

Manuscripts should preferably be 1,500-3,500 words in length. Authors may submit their article as an attached file with email. The font type required is Calibri, 11pt.

The first page of the manuscript should contain the title of the article followed by name(s) and affiliation of author(s), complete address, including telephone and fax numbers, and e-mail address. An abstract of about 100-200 words (If the article is in BM, an abstract in English is needed). Submit only one copy of the manuscript.

Tables, Figures and Illustrations

Tables, figures and illustrations with captions should be positioned within the text.

Style

The citation styling of the manuscript should follow the Publication Manual of the American Psychological Association (2009), 6th ed. (New York: American Psychological Association). References should be cited in the text using the 'name and date' style, e.g. "Roger (2001) said that ..." or "research shows that ... (Roger,2001)".

References at the end of the article should be listed in alphabetical order. The following are examples of the recommended reference style:

Archambault, E., Campbell, D., Gingras, Y., & Lariviere, V. (2009). Comparing bibliometric statistics obtained from the Web of Science and Scopus. *Journal of the American Society for Information Science and Technology*, 60(7), 1320-1326.

Chu, C. M. (2009). Working from within: Critical service learning as core learning in the MLIS curriculum. In L. Roy, K. Jensen & A. H. Meyers (Eds.), *Service learning: Linking library education and practice* (pp. 105-123). Chicago: American Library Association.

Lessard, B., & Baldwin, S. (2000). *Netslaves: True tales of working the web*. New York: McGraw-Hill.

Miller, W., & Pellen, R.M. (Eds.). (2009). *Googlization of libraries*. London: Routledge.

Noraida Hassan. (2009, June 15-16). *Practicing evidence base in Malaysian libraries : A CSI challenge?* Paper presented at the International Conference on Libraries, Pulau Pinang.

Accuracy of Material

It is the responsibility of the author(s) to check the accuracy of all data, statements and references.

Copyright

It is a condition of publication that manuscripts submitted to the journal have not been published, accepted for publication nor simultaneously submitted for publication elsewhere. By submitting a manuscript, the author(s) agree that copyright for the article is transferred to the publisher, if and when the manuscript is accepted for publication.

Address

Manuscripts, requests for further information and other correspondence should be sent to:

The Editor-in-Chief,
Kekal Abadi
University of Malaya Library,
50603 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tel. (603) 79673206
Fax: (603) 79573661
e-mail: ketua_pustakawan@um.edu.my or
kohai@um.edu.my